





## Pelancaran Fasiliti RP4 dan Sudut Korporat PSNZ

### Menarik di dalam:

-  Sekitar Majlis Perasmian Fasiliti RP4 dan Sudut Korporat PSNZ
-  Program Library Outreach FPSM
-  Program Bual Bicara: Malaysian Open Science
-  Aktiviti Promosi Keahlian Luar



PENASIHAT  
Tuan Haji Abu Hassan Ghazali

PENGERUSI  
En. Ahmad Abdul Rahim Alias

NAIB PENERUSI  
En. Mohd Shahrulnizam Zuraimi

EDITOR  
Pn. Wan Najihah Wan Muhammad

JURUFOTO  
En. Hasdan Irwan Muda  
En. Muhammad Uzaini Abdullah  
Hazam

## Kandungan

### • Sorotan Peristiwa

1 Mac 2023 : Perasmian Fasiliti RP4 dan Sudut Korporat PSNZ 1

### • Laporan Aktiviti/Program

- Pelatih PSNZ UMT bantu pelajar menyunting video menggunakan Microsoft Power Point 3
- Kursus Pengkatalogan dan Pengkelasan Menggunakan Standard RDA 4
- Program *Library Outreach* Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) 5
- PSNZ anjur Program Bual Bicara: *Malaysian Open Science* 6
- Aktiviti Promosi Keahlian Luar 7
- Taklimat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 8
- Program Pengukuhan Integriti 8

### • Makluman 9

# 1 Mac 2023 : Perasmian Fasiliti RP4 dan Sudut Korporat PSNZ

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah dianugerahkan peruntukan berjumlah RM82 juta menerusi Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan daripada jumlah itu, RM10 juta diperuntukkan bagi pembangunan kemudahan infrastruktur dan infostruktur ICT UMT IR 4.0. Selaras dengan kewujudan UMT sebagai sebuah universiti berfokus bidang marin dan sumber akuatik, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) juga memperoleh peruntukan kira-kira RM3 juta di bawah elemen kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Tinggi 4.0 ICT UMT/UMT Marine's 4.0.

Pengurusan PSNZ UMT optimis dalam merencanakan pelbagai pembaharuan dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan yang majoriti dari kalangan mahasiswa dan penyelidik. Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) UMT, Abu Hasan Ghazali berkata, pengurusannya telah melaksanakan beberapa fasa peralihan dan naiktaraf kemudahan.

"PSNZ berusaha dalam meningkatkan kualiti penyampaian dan pengurusan maklumat kepada pengguna perpustakaan melalui penggunaan teknologi berkonsepkan Revolusi Industri 4.0 yang mana selari dengan pelan strategik UMT"

Pelaksanaan projek ini melibatkan dua fasa yang dipecahkan kepada tiga kategori utama iaitu Perisian, Peralatan/Mesin dan Ubahsuai Platform/Ruang. Fasa 1 telah disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 2022 setelah mengalami penangguhan akibat pelaksanaan PKP di seluruh negara dan pelarasan semula projek akibat kenaikan harga bahan mentah serta khidmat bekalan. Kerja-kerja menaiktaraf bagi Fasa 2 pula sedang berjalan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2024.

Menurutnya, antara projek pengubahsuaian dan menaiktaraf perpustakaan tersebut seperti Studio Rakaman, Ruang Bacaan 24Jam, Arkib Digital, Sistem repositori UMT (UMT-IR), Mesin pinjaman dan pemulangan bahan layan diri, Video wall/Digital Signage, Aduino & raspberry kit, Smart TV dan Google Home.

Selain itu, katanya, bagi mengoptimumkan kefungisian perpustakaan, pihaknya juga mewujudkan Sudut Korporat PSNZ dalam usaha menarik perhatian syarikat korporat untuk bersama-sama bangukan PSNZ.

"Sudut Korporat PSNZ merupakan salah satu usaha pihak pengurusan PSNZ dalam menjalinkan hubungan kerjasama bersama pihak korporat dalam membangunkan koleksi, perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan yang secara tidak langsung memberi peluang kepada pengguna perpustakaan menerima manfaat hasil kerjasama ini. Untuk tujuan ini, pihak pengurusan telah berhubung erat bersama pihak Etiqa General Takaful Berhad dan juga Yayasan Bank Rakyat dalam merealisasikan hasrat yang direncanakan," tambah beliau.

**MAJLIS PELANCARAN**  
**FASILITI PINTAR**  
**IR4.0 DAN**  
**SUDUT KORPORAT**  
**PSNZ**

DIRASMIKAN OLEH:  
**YBHG. PROFESOR DATO' DR. MAZLAN BIN ABD GHAFFAR**  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1 MAC 2023 (RABU)  
AUDITORIUM  
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

BUKU PROGRAM  
MAJLIS PELANCARAN

Logos: YAYASAN BANK RAKYAT, UMT, etiqa Takaful

Social media icons: @psnz.umt.edu.my, f/Psnzlib, @officialpsnz, OfficialPSNZ

QR code: BUKU PROGRAM MAJLIS PELANCARAN

# Sorotan Peristiwa



## Pelatih PSNZ UMT bantu pelajar menyunting video menggunakan *Microsoft Power Point*

Seramai 28 orang yang terdiri daripada pelajar dan guru Sekolah Menengah Dato' Haji Abbas telah menyertai sebuah bengkel pemindahan ilmu anjuran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah pada 26 Januari 2023 yang lalu. Bengkel Pemindahan Ilmu : Penyuntingan Video menggunakan aplikasi Microsoft PowerPoint ini merupakan sebuah projek khas yang dilaksanakan oleh 3 orang pelatih praktikal bagi membantu para guru dan pengawas pusat sumber sekolah berkaitan aktiviti suntingan video menggunakan aplikasi Microsoft PowerPoint.

Bengkel yang diadakan di Makmal Komputer Sekolah Menengah Dato' Haji Abbas ini dikendalikan oleh Nik Nurul Nurain Binti Ibrahim, Nur Alia Zulaikha Binti Samsuddin dan Wan Hazwani Binti Wan Abdullah, pelatih praktikal dari Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

Timbalan Ketua Pustakawan, Mohd Shahrulnizam Zuraimi berkata program ini adalah selaras dengan hasrat universiti yang menyokong aktiviti perkongsian ilmu di kalangan komuniti di samping meningkatkan peranan PSNZ dalam menggerakkan aktiviti tanggungjawab sosial bersama komuniti luar.

Beliau turut berharap agar setiap peserta yang hadir dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran mengenai tatacara penyuntingan video dalam menyediakan kandungan berkaitan aktiviti di pusat sumber sekolah.

Disediakan oleh :

Wan Najihah binti Wan Muhammad

Pustakawan

Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik



## Kursus Asas *Pengkatalogan & Pengkelasan* Menggunakan Standard RDA

Pengkatalogan dan Pengkelasan bahan-bahan perpustakaan merupakan dua (2) elemen utama dalam bidang pengurusan maklumat. Ianya merupakan aspek penting bagi menyusun dan mengorganisasi bahan-bahan perpustakaan secara sistematik agar dapat membantu pelanggan mengesan bahan dengan mudah dan berkesan. Selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang maklumat, format bahan-bahan maklumat juga turut berubah. Resource Description and Access (RDA) merupakan satu bentuk rekod MARC yang diubahsuai bagi memenuhi keperluan pendedskripsian bahan-bahan maklumat yang terkini.

Kursus Pengkatalogan Menggunakan RDA dicadangkan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan asas terhadap bidang pengkatalogan dan pengkelasan bahan yang terkini mengikut standard antarabangsa dan mematuhi etika pengkelasan. Antara objektif kursus ini ialah :

- i. Penerangan dan penjelasan terhadap proses pengkatalogan bahan-bahan perpustakaan
- ii. Pengenalan kepada penggunaan modul "*Cataloging*" dan tag-tag yang digunakan dalam standard RDA
- iii. Penerangan terhadap sistem pengkelasan yang digunakan
- iv. Kriteria-kriteria bahan dan polisi pengkatalogan

Kursus ini telah disertai oleh 11 orang pembantu pustakawan dari setiap bahagian di PSNZ. Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik, Mohd Shahrulnizam bin Zuraimi telah dijemput untuk memberikan kata-kata aluan sebelum kursus bermula.

Kursus dimulakan dengan taklimat pengenalan kepada Katalog, diikuti dengan penerangan tentang perbezaan yang terdapat pada standard AACR dan RDA serta beberapa perubahan yang terdapat pada standard RDA yang mempengaruhi corak inputan data ke dalam pangkalan data rekod bibliografik bahan.

Pada akhir kursus, sesi latihan dijalankan bagi menguji kefahaman peserta kursus. Soalan yang diberikan adalah berkisar kepada modul-modul pengkatalogan dan pengkelasan. Setiap peserta telah menunjukkan komitmen yang padu sepanjang kursus dijalankan dan sedaya upaya cuba menjawab soalan latihan walaupun ada di antara mereka sebelum ini tidak pernah terlibat dengan proses kerja pengkatalogan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta!



Disediakan oleh :  
Sarawati Sulong  
Pustakawan Kanan  
Bahagian Pembangunan Sumber Ilmu

## Program *Library Outreach*

Disediakan oleh :  
Sharifah Akmal Syed Abd Rahman  
Pustakawan Kanan  
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat

### Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)

Program *Library Outreach* yang pertama pada tahun 2023 telah diadakan pada 22 Mac 2023 (Rabu), jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari, yang menyasarkan kehadiran peserta dari Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM). Program ini telah diadakan secara bersemuka sepenuhnya di Bilik Seminar FPSM dengan kehadiran dua (2) jemputan luar UMT iaitu wakil *Elsevier*, Dr. Benny Ang dan Mr. Kent Yeap dari *Springer Nature*.

Seramai 60 orang warga FPSM yang terdiri daripada dekan, pensyarah serta staf professional dan sokongan telah menghadiri mesyuarat dan taklimat penerbitan yang dianjurkan. Taklimat penerbitan bertajuk "*Publishing Process & Tips To Enhance The Acceptance Rate*" telah disampaikan oleh Dr. Benny Ang (*Elsevier*) dan "*Striving for Publication Excellence with Springer Nature*" telah disampaikan oleh wakil *Springer Nature*, En. Kent Yeap.

Pihak PSNZ menyasarkan untuk melaksanakan tiga (3) program *Library Outreach* ke semua fakulti dan PPAL pada tahun 2023. Berdasarkan sambutan menggalakkan yang diterima dari warga FPSM, pihak PSNZ akan meneruskan lagi program ini ke fakulti lain yang dijadualkan pada bulan Mei dan Oktober tahun ini. Semoga program ini dapat dijadikan wadah untuk mengeratkan hubungan dua hala antara ahli akademik serta pelajar dengan pihak perpustakaan seterusnya menghasilkan impak positif dalam menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Universiti Malaysia Terengganu.



## PSNZ anjur Program Bual Bicara:

# Malaysian Open Science Platform

Pada 20 Mac 2023, bertempat di Auditorium PSNZ telah berlangsung Program Bual Bicara: *Malaysian Open Science Platform*. Pihak PSNZ di bawah Jawatankuasa Pelaksana *Open Science* PSNZ telah berbesar hati menjemput YBhg. Prof. ChM Dr. Noorsaadah Abd. Rahman, FASc, Pengerusi *Open Science Alliances*, Akademi Sains Malaysia.

Program ini telah berlangsung bermula jam 9.45 pagi sehingga 1.00 petang dan antara objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga UMT khususnya golongan penyelidik dan pegawai profesional mengenai kesedaran inisiatif Sains Terbuka atau lebih dikenali sebagai *Open Science*.

Seramai 56 orang peserta telah hadir termasuk dari kalangan ahli akademik/penyelidik, staf sokongan dan professional serta para pelajar. Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali; Pengarah Pejabat Pengurusan Penyelidikan UMT, Profesor Chm. Dr. Suhaimi Bin Suratman; Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan Dan Informatik Profesor Ir. Dr. Mohammad Fadhli Bin Ahmad serta Timbalan Pengarah Pejabat Pengurusan Penyelidikan UMT, Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi.

Sains Terbuka atau *Open Science* ialah satu gerakan yang diyakini boleh meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan masyarakat umum terhadap sains dan penemuan data saintifik. Bidang ini berpaksikan kepada lima aspek utama iaitu *Open Data* (Data Terbuka), *Open Source* (Sumber Terbuka), *Open Methodology* (Kaedah Kajian Terbuka), *Open Peer Review* (Kajian Semula Setara Terbuka), *Open Access* (Akses Terbuka), dan *Open Educational Resources* (Sumber Pendidikan Terbuka). Pada tahun 2017, platform Sains Terbuka di negara-negara Eropah mula dibangunkan dengan sistematik dan teratur. Di Malaysia, kesedaran tentang Sains Terbuka telah mula berkembang dan menuju ke arah platform yang lebih berstruktur melalui pemerkasaan kolaborasi strategik yang dinamakan *Malaysia Open Science Platform* (MOSP) di bawah seliaan Akademi Sains Malaysia dengan sokongan penuh Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI).

Program kesedaran *Open Science* ini dijangka akan diteruskan lagi pada Julai 2023 bagi siri kedua dengan memfokuskan kepada pengurusan data penyelidikan serta perkongsian data lebih ramai fasilitator yang arif mengenai *Open Science* di Malaysia.

**BUAL BICARA**  
**MALAYSIA OPEN SCIENCE PLATFORM**  
Making scientific research and data, transparent and accessible to all.

**Penceramah:**  
YBhg. Prof. ChM Dr. Noorsaadah Abd. Rahman, FASc  
Pengerusi Malaysian Open Science, Akademi Sains Malaysia

20 Mac 2023 | Isnin | 10:00am - 12:00pm | Auditorium PSNZ  
Anjuran : Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) Universiti Malaysia Terengganu | [psnz.umt.edu.my](http://psnz.umt.edu.my) | [Panzlib](#) | [officialpsnz](#) | [officialmosp](#)



Disediakan oleh : Wardah Nazihah Othman  
Pustakawan Kanan  
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat



## Aktiviti Promosi Keahlian Luar PSNZ

PSNZ di bawah Seksyen Sirkulasi dan Rujukan, Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat telah terlibat secara langsung dalam Program Universiti Bersama Komuniti: Jom Carre Komuniti yang telah berlangsung pada hari Jumaat, 17 Februari 2023.

Penglibatan seksyen dalam program ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan keahlian luar PSNZ bagi komuniti setempat. Untuk itu, PSNZ telah membuka kaunter pendaftaran di mana pustakawan dan pembantu pustakawan yang bertugas turut memberikan maklumat berkaitan dengan program keahlian luar.

Berikut merupakan maklumat berkenaan perkhidmatan Keahlian Luar :

- Caj yuran keahlian luar PSNZ adalah sebanyak RM20.00 setahun dan RM100.00 untuk deposit keselamatan pinjaman bahan.
- Tempoh keahlian adalah sah untuk satu tahun sahaja daripada tarikh pendaftaran dan pembaharuan keahlian perlu dibuat sebulan sebelum tamat tempoh.
- Wang deposit akan dikembalikan kepada ahli kecuali jika tidak dituntut selepas tiga bulan dari tarikh tamat keahlian dan kesemua bahan yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada perpustakaan.
- Bagi ahli yang membayar deposit boleh meminjam 2 buah buku dalam tempoh 2 minggu.
- Ahli juga layak menggunakan kemudahan yang ditawarkan di PSNZ serta dapat membuat rujukan dan bacaan di dalam perpustakaan.

Disediakan oleh :  
Norsollehah Ahmad  
Pustakawan Kanan  
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat



## Taklimat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan *Pekerja*

Disediakan oleh :  
Mohd Azmi Mohamad  
Pembantu Pustakawan Kanan  
Bahagian Pentadbiran dan  
Komunikasi Strategik



**Taklimat**

**Pembangunan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah**

19 Januari 2023 | 10.00 Pagi  
Bilik Mesyuarat Utama PSNZ

Anjuran: Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT



## Program Pengukuhan *Integriti*



**PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI**

*Do The Right Thing*

27 Mac 2023 (Isnin)  
10.00 pagi - 12.00 tengahari

Auditorium PSNZ

Penceramah :  
**En. Abdullah Syukri bin M. Saleh**  
Ketua Unit Integriti  
Universiti Malaysia Terengganu

Anjuran: Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah dengan kerjasama Unit Integriti, UMT

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) Universiti Malaysia Terengganu



# Kemudahan baharu kini tersedia!



The infographic features a central blue background with the text "FASILITI PINTAR IR4.0 PSNZ" in large, bold, yellow letters. Surrounding this text are ten circular images, each representing a different facility. The facilities are: BILIK SYNERGY (a meeting room), RUANG 24 JAM (a 24-hour study area), GAME ROOM (a room with a large screen and gaming equipment), BILIK WETLAND (a room with a large screen and a person), BILIK MANGROVE (a room with a desk and a person), SMART SHELF BOOK RETURN (a smart bookshelf), STUDIO MINI (a small studio with a camera and microphone), SELF CHECK-OUT (a self-checkout station), MAKER ROOM (a room with various tools and equipment), and BOOK DROP (a book return station). The UMT logo is in the top left corner. At the bottom, there is a footer with the text "Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) Universiti Malaysia Terengganu" and social media icons for the website (psnz.umt.edu.my), Facebook (Psnzlib), Instagram (officialpsnz), and Twitter (OfficialPSNZ).

**FASILITI PINTAR IR4.0 PSNZ**

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) Universiti Malaysia Terengganu

[psnz.umt.edu.my](http://psnz.umt.edu.my)  Psnzlib  officialpsnz  OfficialPSNZ

# JOM KE PSNZ!!

# SEMINAR KEBANGSAAN PEMBANTU PUSTAKAWAN

## SKPP2023 22-23 OGOS 2023



Auditorium PSNZ /  
WEBEX

### Literasi Digital Pemangkin Profesionalisme Pembantu Perpustakaan Nusantara

SKPP 2023 adalah sebuah platform yang disediakan untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai peranan pembantu perpustakaan dalam merealisasikan pengurusan perkhidmatan maklumat demi membentuk kompetensi Pembantu Pustakawan yang lebih berdaya saing.

#### Fokus:

- Pengukuhan Kerjaya Pembantu Pustakawan
- Literasi Digital Pembantu Perpustakaan Nusantara
- *Open Access* di Perpustakaan
- Tuntutan Kemahiran Digital dan Cabaran Profesion
- Teknologi Pintar dalam Fasiliti Perpustakaan



Ucuptama oleh:  
*Dr. Nor Edzan binti Che Nasir*  
Mantan Presiden  
Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)

## DAFTAR SEKARANG!!

Layari Laman Web Rasmi SKPP2023 <https://skpp.umt.edu.my/>  
**PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI:**

YM Sharifah Akmal Syed Abdul Rahman

+609 6684298 +6019-9095845 sh\_akmal@umt.edu.my

Pn. Hazlina Ismail

+609 6684185 +60179591151 ina@umt.edu.my

Anjuran:

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu



Borang Pendaftaran  
SKPP2023

### YURAN PENYERTAAN

#### • WARGANEGARA

##### Secara Bersemuka

Individu\* : RM200.00/peserta

Berkumpulan\* (min. 10 orang per organisasi) : RM160.00/peserta

##### Secara Atas Talian :

Individu\* : RM100.00/peserta

Berkumpulan (min. 10 orang per organisasi) : RM 60.00/peserta

#### • BUKAN WARGANEGARA

Secara Bersemuka: USD70/peserta

Secara Atas Talian: USD35/peserta

Berkumpulan (min 10 orang) : USD25/peserta

NOTA: TIADA DISKAUN EARLY BIRD UNTUK BUKAN WARGANEGARA DAN BERKUMPULAN ATAS TALIAN

TERKINI

\*DISKAUN 10%  
SEBELUM 23.7.2023

### KAEDAH BAYARAN

1) Bayaran melalui pesanan jabatan  
Pendaftaran melalui organisasi dan invois  
diserahkan kepada urusetia sebelum  
22 Ogos 2023

2) Bayaran secara dalam talian  
Isi Borang pendaftaran dan muatnaik bukti bayaran

#### MAKLUMAT PEMBAYARAN

86-0175174-1 CIMB BANK BERHAD  
(UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU)  
SWIFT CODE : CIBBMYKL

ALAMAT CAWANGAN CIMB JALAN SULTAN ISMAIL, KUALA  
TERENGGANU  
LOT 3083, JALAN SULTAN ISMAIL, 20200, KUALA TERENGGANU

### SASARAN PESERTA

Pembantu  
Perpustakaan,  
Mahasiswa, Guru dan  
Pengawas PSS, dan  
mana-mana individu  
yang berminat dalam  
Pengurusan  
Perpustakaan dan  
Maklumat



**SEKSYEN KOMUNIKASI STRATEGIK**  
**BAHAGIAN PENTADBIRAN & KOMUNIKASI STRATEGIK**  
**PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH**  
**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**